

Lagi \$11,000j basmi miskin

4 negeri utama

KUALA LUMPUR, Isnin

KERAJAAN akan terus memberi perhatian utama kepada empat buah negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu dalam usaha-usaha pembangunan bagi mengurangkan kemiskinan, jurang pendapatan dan taraf hidup di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan di negeri-negeri tersebut telah ditambah lagi di bawah kajian separuh penggal RMT.

Beliau menyebut demikian ketika membentangkan laporan kajian separuh penggal RMT, di Dewan Negara petang ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Kerajaan akan membuat apa saja yang perlu untuk memastikan kejayaan tercapai dalam usaha membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dalam tempoh RMT.

Katanya, perbelanjaan yang besar bagi program-program sektor awam serta penekanan terhadap pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat merupakan cabaran utama kepada jentera perancangan dan pelaksanaan.

Beliau yakin, Kerajaan mampu untuk mencapai kadar kemajuan yang lebih tinggi dari kadar yang dicapai dalam tiga tahun kebelakangan.

Penyertaan B'putera

Beliau menyatakan, program dan projek-projek di bawah RMT diperluaskan lagi di bawah kajian separuh penggal bagi mempergiatkan usaha mengurangkan kadar kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Perkembangan yang pesat ini, tambah beliau, menunjukkan sungguhpun Kerajaan bangga atas kemajuan yang dicapai setakat ini, tetapi Kerajaan sedar masalah kemiskinan dan tidak seimbang antara kaum masih menjadi masalah besar.

Tegasnya, masalah tersebut memerlukan penekanan yang tegas dalam melaksanakan program dan projek-projek yang boleh menghasilkan agihan pertumbuhan ekonomi yang lebih saksama dalam masyarakat.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan sedar tentang jumlah keluarga miskin masih banyak terutama di luarbandar dan mereka yang masih menjalankan cara-cara pertanian tradisional.

Katanya lagi, peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan di bawah kajian separuh penggal RMT memberi tekanan kepada program dan projek-projek yang dapat mengurangkan kemiskinan.

Menurutnya, pada keseluruhannya, peruntukan bagi tujuan tersebut berjumlah \$11.2 ribu juta, iaitu tambahan sebanyak 56 peratus dari peruntukan asal RMT.

Mengenai matlamat Dasar Ekonomi Baru, beliau berkata, beberapa program yang dilancarkan di bawah RMK dan RMT akan dijalankan lebih giat lagi dan langkah itu sebahagian besarnya bergantung kepada kerjasama sektor swasta.

"Saya tidak perlu menegaskan bahawa penyusunan semula masyarakat tidak bergantung kepada program-program kerajaan saja," ujarnya.